

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 26 MEI 2010**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar  
UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripadaNya, kita masih lagi berkesempatan bagi merasai kenikmatan dan melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan dengan sebaiknya. Terima kasih juga saya ucapkan kepada anda kerana masih utuh bersama menyokong perjumpaan mingguan yang membantu mengeratkan lagi hubungan sesama kita.

**Ladies and gentlemen,**

**This week is the beginning week for our athletes to start preparing and training for the Inter Varsity Sports Championships which will be held at Universiti Sains Malaysia, Penang from the 16th to 26th June 2010 next month.**

**I would like to remind all the athletes who are involved to fully utilize the time allocated for training and not to**

**misuse the time off from work for other non-work nor sport related activities.**

**Please take good care of your health. Do the necessary and exercise and training in the correct manner in order to avoid any injuries. We are counting on you and please do us proud. To all the athletes, I wish you all the best and good luck to you!!**

Hadirin sekalian,

Suka saya ingatkan kepada anda bahawa pada malam ini akan berlangsungnya Konsert Simfoni Kasih sempena Ulangtahun Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke – 67. Bagi menghormati keberangkatan DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis serta DYTM Tuanku Canselor dan DYTM Tuanku Pro Canselor dan sebagai tanda meraikan Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis Ke-67, semua kakitangan adalah **DIWAJIBKAN** hadir ke majlis ini. Anda juga digalakkan untuk membawa suami atau isteri untuk memeriahkan lagi majlis berkenaan.

Oleh itu, saya menyeru semua warga UniMAP untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan majlis tersebut sekaligus menunjukkan tanda sokongan tidak berbelah bagi terhadap pemerintahan DYMM Tuanku Raja Perlis selama 10 tahun ini.

Hadirin sekalian,

Minggu ini juga telah bermulanya hari pelepasan bagi para atlit kita untuk melakukan persiapan dan latihan bagi menghadapi Kejohanan Sukan Staf antara Universiti yang akan diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bermula 16 Jun hingga 26 Jun 2010 nanti.

Kepada para atlit, pelepasan yang diberikan ini mudah-mudahan akan dimanfaatkan sebaiknya. Janganlah anda mengambil kesempatan untuk bersenang-senang dengan pelepasan yang diberikan ini. Sedangkan tanggungjawab besar untuk meraih pingat dan mempertahankan kejuaraan yang kita kecapai dua tahun berturut-turut sedang menanti kita di Sukan Staf nanti. Saya mensasarkan kutipan pingat yang diperolehi pada kali ini akan meningkat dan saya meletakkan harapan yang tinggi kepada kontijen UniMAP untuk membawa pulang 40 pingat emas, 11 pingat perak dan 12 pingat gangsa. Saya percaya dengan usaha yang gigih dan semangat kerjasama yang jitu, segala yang kita impikan ini akan dapat direalisasikan pada kejohanan tersebut.

Saya berharap agar Ketua Jabatan UniMAP juga akan memberi sokongan 100 peratus kepada kakitangan anda yang berjuang untuk mengharumkan nama Universiti Malaysia Perlis yang kita kasihi ini.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya menyeru anda sekalian untuk terus memberikan sokongan sebagai kakitangan UniMAP terhadap universiti ini. Semoga cabaran yang mendatang nanti bakal dilalui oleh kita dengan tabah dan bersatu hati. Jangan biarkan kekuatan dan kelebihan kita ini diganggu gugat oleh anasir luar yang sentiasa ingin melihat kita kecundang.

**Kalau tuan mahu ke Kelantan,  
Carikan saya si cantik jelita,  
63 pingat menjadi sasaran,  
Memastikan kejuaraan milik kita.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....